

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDIKATOR KOS SARA HIDUP 2023

### Laporan DOSM: Menghuraikan Penemuan Utama Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar mengikut Lokaliti dan Profil Demografi

**BUTTERWORTH, 2 November 2024** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini buat julung kalinya meluncurkan laporan **Indikator Kos Sara Hidup 2023** sempena Majlis Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 DOSM yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, turut hadir ialah YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi; YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri; YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi; YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Laporan ini merangkumi 15 penerbitan termasuk Malaysia dan 14 penerbitan mengikut negeri dan Wilayah Persekutuan bagi tahun 2023.

Indikator KSH yang terdapat dalam penerbitan ini adalah Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) dan Indeks Kos Sara Hidup (IKSH). PAKW dianalisis berdasarkan perincian demografi yang meliputi ciri-ciri isi rumah, saiz isi rumah serta lokasi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa "PAKW dibangunkan oleh DOSM untuk memberi satu nilai kos kehidupan wajar. Pembangunan PAKW bermula pada tahun 2018 dengan mengambil kira corak perbelanjaan isi rumah berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah." PAKW merujuk kepada jumlah perbelanjaan bulanan yang diperlukan oleh isi rumah/individu untuk mencapai kehidupan wajar yang memenuhi keperluan, kehendak dan kemampuan untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan. Nilai PAKW ditentukan oleh dua faktor utama iaitu lokasi dan ciri demografi seperti umur, jantina

dan saiz isi rumah. Oleh itu, nilai PAKW bagi setiap isi rumah berbeza-beza bergantung kepada ciri-ciri demografi dan lokasi tempat kediaman.

Pembangunan PAKW adalah berdasarkan prinsip keperluan melebihi minimum dengan mengambil kira tiga aspek kehidupan wajar: keperluan, kehendak dan penyertaan sosial berdasarkan corak pendapatan/perbelanjaan isi rumah. Pendekatan ini juga mengambil kira kos makan di luar dan konsep minimum-pelbagai untuk pilihan perbelanjaan makanan. Dari segi komponen makanan, PAKW mengambil kira keperluan diet asas yang memenuhi keperluan pemakanan seimbang mengikut Piawaian Pengambilan Nutrien yang Disyorkan (RNI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kalkulator PAKW yang dikenali sebagai MyPAKW telah dibangunkan untuk menganggar jumlah perbelanjaan asas bagi taraf kehidupan wajar berdasarkan maklumat seperti faktor demografi dan lokasi, termasuk jantina, umur dan bilangan ahli isi rumah. Oleh itu, setiap individu dan isi rumah mempunyai corak perbelanjaan yang berbeza. Kalkulator MyPAKW membolehkan orang ramai mengetahui nilai rujukan mereka bagi perbelanjaan asas kehidupan di kawasan dan lokasi masing-masing. MyPAKW ini boleh dimuat turun di aplikasi *Play Store* atau *App Store* dan boleh juga diakses melalui laman sesawang: <https://mypakw.dosm.gov.my/>.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Selain Malaysia, negara-negara di seluruh dunia juga menilai kos kehidupan wajar yang menggunakan pelbagai istilah seperti Indeks Kos Sara Hidup, Indeks Harga Kos Kehidupan Isi Rumah (HLPIs) dan Taraf Kehidupan Wajar."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
2 NOVEMBER 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## COST OF LIVING INDICATORS 2023

### **DOSM's Report: Unveiling Key Insights into Malaysia's Basic Expenditure of Decent Living by Locality and Demographic Profile**

**BUTTERWORTH, 2<sup>nd</sup> November 2024** - The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released its inaugural report on the **Cost of Living Indicators 2023** today during the Majlis Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 DOSM, officiated by the Prime Minister, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, also in attendance are YB Rafizi Ramli, Minister of Economy; YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Minister of Home Affairs; YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Deputy Chief Minister 1, Pulau Pinang; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Chief Secretary; YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Secretary General, Ministry of Economy; YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Secretary General, Ministry of Domestic Trade and Cost of Living; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia. The report encompasses 15 publications, including Malaysia and 14 publications by state and Federal Territories for 2023.

The CLI Indicators covered in this publication are the Basic Expenditure of Decent Living (PAKW) and the Cost of Living Index (IKSH). PAKW is analysed based on demographic details which include household characteristics, household size as well as location.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "PAKW is developed by DOSM to provide value cost for decent living. The development of PAKW began in 2018, considering household spending patterns based on the Household Income and Expenditure Survey."

PAKW refers to the amount of monthly consumption expenditure required by households/individuals to have a decent living that fulfills needs, wants and the ability to participate in society. The value of PAKW is determined by two main factors namely location and demographic characteristics such as age, gender and household size.

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Saturday, 2<sup>nd</sup> November 2024**

*Therefore, the value of PAKW for each household varies depending to the demographic characteristics and the location of living quarters.*

*The development of PAKW is based on the principle of above minimum needs, taking into account three aspects of decent living: needs, wants, and social participation, based on the income/spending patterns of households. This approach also considers the cost of eating outside and the minimum-diversified concept for food expenditure choices. In terms of food components, PAKW takes into account the basic dietary needs that meets the balanced nutritional requirements in accordance with the Recommended Nutrient Intake (RNI) standard, Ministry of Health Malaysia (KKM).*

*A PAKW calculator known as MyPAKW is developed to estimate total basic expenditure for a decent standard of living based on information such as location and demographic factors, including gender, age, and the number of household members. Therefore, each individual and household has its own spending patterns. MyPAKW calculator allows the public to be informed about their reference value for basic living expenditure in their respective localities and areas. MyPAKW can be downloaded from Play Store or App Store and can also be accessed via website: <https://mypakw.dosm.gov.my/>.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "In addition to Malaysia, countries worldwide also assess the cost of decent living, employing various terms such as the Cost of Living Index, Household Living-cost Price Indexes (HLPIs) and Decent Living Standards."*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
2 NOVEMBER 2024**